

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[MUHAMMAD ASAD: THE ISLAMIC INTELLECTUAL OF 20TH CENTURY]

MUHAMMAD ASAD: INTELEKTUAL ISLAM ABAD KE-20M

SALSABILA ROSLI¹
FIRUZ-AKHTAR LUBIS^{2*}

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding Author: firuz@ukm.edu.my

Received Date: 15 January 2021 • Accepted Date: 15 March 2021

Abstract

Muhammad Asad, a young European Jew, converted to Islam as early as 26 years old. Since then, together with Muslims he developed spectacular Islamic thoughts. He also became the bridge between two great civilizations: Islam and the West. This study details his intellectuality as an influential European Muslim of the 20th century. This study uses content and historical analysis as research techniques in obtaining information on; the Islamic traces of Muhammad Asad, his experience of Western and Islamic interaction, as well as his exceptional thinking. This study finds that there were various contributions of Muhammad Asad in Islamic intellectual world such as shariah thought, politics, literature and tafsir. Muhammad Asad's service to Islam clearly shows that he deserves to be appointed as an Islamic intellectual figure of the 20th century.

Keywords: Muhammad Asad, Western civilization, Islamic civilization, exceptional thinking

Abstrak

Muhammad Asad seorang pemuda Eropah beragama Yahudi, memeluk Islam seawal usia 26 tahun. Sejak itu, beliau bersatu bersama umat Islam dalam membangunkan pemikiran Islam yang unggul. Beliau juga menjadi penghubung dua ketamadunan besar; Islam dan Barat. Kajian ini memperincikan keintelektualan beliau sebagai seorang Islam Eropah yang berpengaruh pada abad ke-20. Teknik analisis kandungan dan kajian pensejarahan dilaksanakan untuk memperolehi maklumat mengenai; jejak Islam Muhammad Asad, pengalaman interaksi Barat dan Islam, serta pemikiran kebitaraan Muhammad Asad. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai sumbangan Muhammad Asad dalam dunia intelektual Islam seperti pemikiran shariah, politik, kesusasteraan dan tafsir. Jasa Muhammad Asad terhadap Islam jelas menunjukkan bahawa beliau layak diangkat sebagai tokoh intelektual Islam abad ke-20M.

Kata kunci: Muhammad Asad, tamadun Barat, tamadun Islam, pemikiran kebitaraan

Cite as: Salsabila Rosli & Firuz-Akhtar Lubis. 2020. Muhammad Asad Intelektual Islam Abad Ke-20. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 129-139.

PENGENALAN

Keindahan dan kebenaran Islam telah melata di seluruh pelusuk benua Eropah. Jangkaan landskap populasi masyarakat Muslim di Eropah bakal meningkat sebanyak 742,000 pada tahun 2020, berbanding 547,000 pada tahun 1950. Malah peratusan ini dijangka akan terus meningkat (Kettani, 2010). Islam telah menjadi sebahagian daripada masyarakat Eropah. Peningkatan populasi ini mendorong perkembangan ilmu pengetahuan dalam bidang pengajian Islam di Eropah sejak tahun 1980 (Maussen, 2007). Di sebalik peningkatan populasi ini tercatat sebuah kisah pengislaman seorang pemuda Eropah bernama Muhammad Asad.

JEJAK ISLAM MUHAMMAD ASAD

Pada 2 Julai 1900, musim panas di bandar Lviv negara Austria, lahir seorang bayi lelaki. Beliau diberi nama Leopold Weiss, berasal dari keluarga berketurunan Yahudi. Datuknya adalah seorang rabai Ortodoks di kota Cernowitz. Dari generasi ke generasi, keluarga Leopold telah menjadi rabai bagi agama Yahudi. Menerusi tradisi ini, datuk Leopold nekad menjadikan anak lelaki sulungnya (ayah Leopold) sebagai rabai. Namun, minat dan kecenderungan ayahanda Leopold bukanlah terhadap tradisi keagamaan ini. Oleh itu, tradisi keluarga ini diteruskan oleh Leopold Weiss. Menerusi didikan kerabai, Leopold dihadapkan dengan kitab-kitab agama Yahudi selama berjam-jam. Hasilnya, beliau mahir berbahasa Ibrani dan Aramia. Di samping itu, beliau juga mempelajari dan memahami isi kandungan kitab Zabur asli, kitab Mishna, kitab Gemara, kitab Talmud dan mahir dalam pentafsiran kitab Injil. Kebolehan Leopold menguasai kitab-kitab suci Yahudi mula menerbitkan persoalan dalam mindanya; mengapakah Tuhan dalam kitab Zabur dan Talmud bersifat berat sebelah, seolah-olah Tuhan itu hanya khusus untuk penganut Yahudi. Selain itu, keperibadian ayahnya juga menimbulkan keraguan pada Leopold. Menurut Leopold, ayahnya bukanlah golongan yang mempratikkan ajaran agama. Kecewaan Leopold terhadap agama Yahudi menjadikan beliau mencari kepuasan diri di dunia luar (Asad, 1954a; Asad, 1954b).

Setelah menginjak dewasa Leopold menyambung pengajian di Universiti Vienna, dalam bidang sejarah seni dan falsafah. Walaupun begitu, bidang akademik tidak dapat memancing minat Leopold. Maka, dia mula mencari nilai kerohanian dalam kehidupan. Nilai kerohanian ini, bukanlah seperti mendalami ilmu agama, namun ia menjangkau makna yang tidak terungkap oleh Leopold. Pelbagai cambahan persoalan mula timbul dalam pemikiran Leopold. Pada tahun 1920, Leopold meninggalkan pengajiannya di Vienna dan berangkat menuju ke kota Prague untuk mencuba nasib dalam bidang kewartawanan. Walaupun mendapat bantahan daripada ayahnya, jiwa anak muda ini bersemangat untuk mendalami bidang penulisan. Di Prague, nasib tidak menyebelahi Leopold. Kegagalan dalam temuduga dan kekurangan pengalaman menjadi penghalang bagi Leopold untuk diterima dalam bidang kewartawanan. Setahun berlalu di kota Prague, barulah Leopold dapat menggapai cita-citanya dalam bidang kewartawanan (Asad, 1954a).

Satu hari pada tahun 1922, Leopold menerima sepucuk surat daripada pakciknya, Dorian yang berada di Baitulmaqddis. Dorian seorang lelaki bujang yang bertugas sebagai psikiatri di hospital Baitulmaqddis. Dek kerana kesunyian, dia mengajak anak buahnya Leopold, untuk menjadi teman bualnya di Baitulmaqddis. Tanpa diduga, Leopold menerima pelawaan itu lantas meninggalkan kerja kewartawanannya walaupun pada ketika itu, beliau merupakan penolong editor bagi sebuah akbar Scadinavia. Musim panas tahun 1922, menyaksikan sebuah perjalanan anak muda dari bumi Eropah ke dunia Timur. Bersama pemusafiran ini, Leopold membawa pandangannya terhadap Islam menerusi kaca mata Barat yang menyifatkan Islam sebagai agama yang tidak layak dianuti. Beliau mengakui bahawa sudut pandangannya dipengaruhi oleh budaya egosentrik Eropah (Asad, 1954a). Walaupun begitu, sepotong kek yang ikhlas dihulurkan oleh seorang arab Badwi kepada Leopold dalam perjalanannya menuju kota Palestin telah menghalusi pandangan dan rasa serta menimbulkan bibit cinta dalam dirinya terhadap perwatakan Arab dan Islam (Asad, 1954a)

Aktiviti solat berjemaah masyarakat Islam di Baitulmaqddis telah menarik perhatian Leopold. Dengan rasa ingin tahu, Leopold menanyakan seorang lelaki Arab tua mengenai peri pentingnya pergerakan dalam solat dalam menyembah Tuhan (Allah SWT).

...Do you really believe that God expects you to show Him your respect by repeated bowing and kneeling and prostration?

Might it not be better only to look into oneself and to pray to Him in the stillness of one's heart? Why all these movements of your body... (Asad, 1954a).

...Apakah kau benar percaya bahawa Tuhan menghendaki kau untuk tunjukkan rasa hormat dengan tunduk, melutut dan bersujud?

Bukankah lebih baik hanya dengan melihat diri sendiri dan berdoa kepada-Nya dalam ketenangan hati? Kenapa mesti ada semua pergerakan ini.. (Terj. Malaysia: Islamic Renaissance Front).

Tanpa rasa tersinggung dengan pertanyaan Leopold, lelaki tua itu segera memberikan Leopold sebuah jawapan.

...How else then should we worship God? Did He not create both, soul and the body, together? And this being so, should man not pray with his body as well as with his soul?.

Listen, I will tell you why we Muslim pray as we pray. We turn toward the Kaaba, God's holy temple in Mecca, knowing that the faces of all Muslims,

wherever they may be, are turned to it in prayer, and that we are like one body, with Him as the centre of our thoughts... (Asad, 1954a).

...Bagaimana lagi patut kita sembah Tuhan? Bukankah Dia telah mencipta jiwa dan jasad kedua-duanya? Maka bukankah manusia patut berdoa dengan kedua-duanya?

Begini, aku ingin terangan kepada kami Muslim bersembahyang sebagaimana kami sembahyang. Kami menghadap ke Kaaba, rumah ibadat suci Tuhan di Mekah, mengenangkan semua Muslim menghadap ke arah sana bilamana dia sembahyang di mana-mana sahaja, Kami umpama satu jasad, dan Dia sebagai pusat pemikiran... (Terj. Malaysia: Islamic Renaissance Front).

Lelaki tua itu turut memperincikan makna setiap pergerakan solat bermula dari Takbiratul Ihram sehinggalah ucapan salam. Perincian dan jawapan lelaki tua itu, sedikit sebanyak telah mula memasukkan cahaya kebenaran Islam dalam hati Leopold. Kekhusyukan dan ketenangan yang dipancarkan oleh umat Islam ketika solat, menimbulkan satu perasaan aneh dalam hati Leopold. Nilai kerohanian masyarakat Arab yang berbeza dengan Barat, menyebabkan Leopold mula mencari makna di sebalik keindahan perwatakan mereka. Dan apakah yang mengerakkan hati mereka untuk taat kepada tuhan yang satu (Asad, 1954a)

Jejak Islam Leopold diteruskan pula ke Kota Damsyik. Keindahan akhlak masyarakat Arab dan ketenangan yang terpancar dalam keperibadian mereka telah mencuit hati Leopold untuk mendalami agama Islam. Leopold mula menelaah buku-buku tentang Islam, membaca al-Quran serta membaca terjemahan al-Quran menerusi dua bahasa, iaitu Perancis dan Jerman. Kemukjizatan al-Quran telah membuka mata Leopold, ternyata nilai yang terdapat di dalam al-Quran jauh meninggalkan kitab-kitab agama Yahudi. Hakikat kebenaran yang disampaikan dalam al-Quran melahirkan persoalan bagi Leopold. Adakah kitab suci al-Quran ini yang mempengaruhi tindak tanduk umat Islam? Ada suatu ketika, Leopold melihat masyarakat Arab Damsyik menunaikan solat di masjid, beliau merasakan amalan solat adalah suatu pekaru yang sangat mendekatkan Sang Pencipta dan ciptaannya. Leopold bertanya kepada sahabatnya, "Apakah yang menyebabkan kamu merasakan bahawa Tuhan itu dekat denganmu?". Lalu temannya menjawab berdasarkan sepotong ayat al-Quran surah al-Waqi'ah.

...How strange and wonderful, that you people feel God to be so close to you, I wish I could feel so myself ?

How else could it be, o my brother? as our Holy Book says, is not God nearer to thee than the vein in thy neck?... (Asad, 1954a).

...Betapa aneh dan hebat, bagaimana kamua merasai Tuhan begitu dekat denganmu. Aku harap aku mampu merasainya sendiri?

Bagaimana lagi wahai Saudaraku? Bukankah Tuhan, sebagaimana dalam Kitab Suci menyatakan, *lebih dekat denganmu berbanding urat di leher kamu?... (Terj. Malaysia: Islamic Renaissance Front).*

Setelah lama mendalami agama Islam secara rasminya pada tahun 1926 Leopold yang berbangsa Yahudi telah memeluk Islam. Kemudian, dikenali sebagai Muhammad Asad, seorang pemuda Eropah beragama Islam (Asad, 1954a).

INTERAKSI BARAT DAN ISLAM

Menurut Halilovic (2005), Muhammad Asad pakar dalam memberi gambaran mengenai budaya Barat dan tamadunnya. Gambaran ini sering ditonjolkan dalam kebanyakan karyanya, lebih-lebih lagi dalam buku *Islam at the Crossroads* (1947) oleh Muhammad Asad. Sebagai seorang Yahudi dari Eropah dan kemudiannya sebagai seorang Muslim yang menetap sementara di Bumi Timur, Muhammad Asad berpeluang untuk merasai interaksi dua tamadun yang berlainan. Antara komen Muhammad Asad mengenai perbezaan dua tamadun ini:

...We easily realise that islamic civilisation is the most complete form of theocracy history has ever known. Religious consideration is here above everything and underlies everthing. If we compare this attitude with that of western civilisation, we are impressed by the vast difference in outlook.

The modern West is ruled, in its activities and endeavours, by consideration of practical utility and dynamic expansion alone. its inherent aim is the experimenting with, and the discovery of the potentialities of life, without attributing to this life a moral reality of its own... (Asad, 1947).

...Kita dengan mudah menyedari bahawa tamadun Islam adalah bentuk teokrasi paling lengkap yang pernah diketahui. Pertimbangan agama ada di atas segalanya dan mendasari segalanya. Sekiranya kita membandingkan sikap ini dengan peradaban Barat, kita akan terkesan dengan perbezaan pandangan yang sangat besar.

Barat moden dikuasai dalam kegiatan dan usahanya sendiri, dengan mempertimbangkan utiliti praktikal dan pengembangan dinamik sahaja. Tujuannya adalah untuk bereksperimen dengannya dan untuk menemukan potensi kehidupan tanpa mengaitkan kehidupan sebagai sebuah realiti kemoralan... (Terj. Penulis).

Selain itu, sebelum memeluk Islam Muhammad Asad mengaku bahawa pengetahuannya terhadap Islam adalah cetek. Sebelum tiba di Palestin, beliau berpendapat bahawa orang Arab merupakan orang nomad yang tinggal dalam khemah di padang pasir. Setelah berbulan tiba di Palestin, beliau menemukan sebuah nilai kehidupan baharu yang jauh berbeza dari kehidupannya di Barat. Beliau melihat adanya kesatuan akal dan emosi dalam setiap tindak tanduk masyarakat Arab. Perkara ini, seakan lenyap dalam diri bangsa Eropah. Keinginan Muhammad Asad untuk menerokai nilai ini membawa Muhammad Asad untuk mendalami Islam (Asad, 1954a).

Antara contoh ringan interaksi dua tamadun yang ditonjolkan Muhammad Asad dalam karyanya *The Road to Mecca* (1954) adalah dari sudut budaya muzik, ketidakstabilan keadaan

di Barat selepas perang dunia menimbulkan pelbagai ekspresi yang diluahkan melalui muzik, lukisan dan teater. Tekanan perang menyebabkan masalah timbul dalam pelbagai sudut sehingga lahirlah keterbatasan moral dalam kalangan masyarakat Barat dan ini turut mempengaruhi, olahan muziknya. Muzik Barat dilihat sebagai luahan perasaan individu dan sarat dengan perasaan dan keinginan manusia. Masyarakat Barat mempunyai keinginan yang sangat terikat dengan aspek kebendaan, kehairahan dan kemahuan menakluk. Justeru, emosi ini jelas terpantul dalam muzik mereka. Mankala melodi muzik Arab pula tidak terikat dengan zahir dunia, sebaliknya terselit ketenangan jiwa. Komen Muhammad Asad ketika mendengar alunan muzik Arab di Syria:

...I had been accustomed to western music, in which the entire emotional background of the composer is drawn into each individual composition, reflecting in every one of its moods all the other, possible moods.

But this Arabian music seemed to flow from a single level of consciousness, from a single tension that was nothing but tension and could therefore assume personal modes of feeling in every listener... (Asad, 1954).

...Aku terbiasa dengan muzik barat, yang mana keseluruhan latar emosi penggubahnya digarap menjadi gubahan individu, tergambar semua moodnya pada setiap orang, mood-mood lazim,

tapi muzik Arab ini kelihatan mengalir dari satu laras kesedaran, dari satu tekanan semata-mata, lantas boleh menerka segala ragam perasaan peribadi setiap pendengar... (Terj. Malaysia: Islamic Renaissance Front).

Interaksi seterusnya, berlaku apabila Muhammad Asad terkesima dengan suasana masyarakat Islam di Tanah Arab yang bersatu tanpa perbatasan bangsa. Hal ini berbeza dengan hubungan kemasyarakatan Barat yang berteraskan kepentingan semata-mata. Muhammad Asad terpesona dengan layanan yang diberikan oleh Masyarakat Arab kepada para tetamu. Menurutnya ketiadaan perasaan sangsi dalam persaudaraan, melahirkan adab menyantuni tetamu yang berbeza dengan Barat. Sedangkan Barat ketika itu, menjadikan tembok dinding sebagai penghalang antara kejiranan. Kemesraan dan kepercayaan dalam komuniti Masyarakat Islam di tanah Arab, jelas terpancar dalam setiap tindak tanduk mereka. Lantas pemikiran interaksi budaya Muhammad Asad, mempersoalkan kewujudan kemesraan sebegitu di Eropah (Asad, 1954a).

Selain itu, berdasarkan buku *The Road to Mecca* (1954), ketika berada di kota Damsyik, Muhammad Asad menyebut tentang perbezaan gaya kerja masyarakat Barat dan Arab. Hari Ahad di Eropah sangat berbeza dengan hari lain, kerana ia hari yang sunyi dari hiruk pikuk kota. Hari berkerja dirasakan seolah beban berat yang dikumpul dari hari ke hari. Justeru, hari Ahad direbut sebagai satu ruang membebaskan diri bagi tekanan kerja. Sebaliknya berlaku di tanah Arab, hari Jumaat adalah hari cuti, tetapi bukanlah sebagai hari untuk membebaskan diri dari lelah berkerja. Keberlangsungan kerja diteruskan seolah wujud hubungan antara jiwa dan

kerjaya. Kerja harian tidak dianggap membebankan. Muhammad Asad juga mengungkapkan perbezaan keperibadian jiwa Arab dan Barat:

...For the soul of the Arab is monotonous-but not in sense of poverty of imagination; he has plenty of that; but his instinct does not go, like that of Western man after width, three dimensional space and the simultaneity of many shades of emotion... (Asad, 1954a).

...Kerana jiwa Arab sekata adanya-tapi bukan dalam erti kata dia miskin imaginasi; dia memilikinya dengan banyak sekali; tapi nalurinya tidak seperti seorang lelaki Barat mengejar keluasan permukaan tiga dimensi dan kelangsungan pelbagai bayangan emosi... (Terj. Malaysia: Islamic Renaissance Front).

Menerusi kaca mata Muhammad Asad reaksi pertembungan Barat dan Islam dapat dilihat melalui contoh di atas. Beliau dapat memperincikan secara halus perbezaan antara dua kebudayaan ini. Pengetahuan dan pengalaman Muhammad Asad di Eropah dan Tanah Arab menjadi buah tangan buat umat Islam kini untuk meneliti pertembungan interaksi dua tamadun bersejarah ini secara lebih tersurat dan tersirat.

PEMIKIRAN KEBITARAAN MUHAMMAD ASAD

Menurut Mohd Yusof (2007), pemikiran kebitaraan merupakan sebuah pemikiran bercirikan kebijaksanaan, kepintaran dan kepandaian. Aspek ini memandu manusia ke arah kegemilangan kerana tunjang aspek ini adalah anugerah akal. Elemen kebitaraan boleh dilihat melalui penerapan nilai keilmuan, kecemerlangan dan kehebatan individu. Bagi pemikiran kebitaraan Muhammad Asad, nilai ini dapat ditauladani menerusi sumbangannya terhadap dunia Islam dalam beberapa aspek, iaitu aspek syariah, politik, tafsir dan sastera.

Menurut Ahmad Nabil (2019: 13-30), pandangan syariah Muhammad Asad boleh didapati dalam karyanya *The Principles of State and Government in Islam*, *Sahih al-Bukhari: The Early Years of Islam* dan *This Law of Ours and Other Essays*. Menerusi karya ini, Muhammad Asad telah mezhahirkan fahaman fiqh yang meluas terhadap hukum Islam. Kefahaman syariah Islam ini digarap secara menyeluruh dari sudut kebudayaan masyarakat dan keselarian hukum dalam al-Quran. Pencerahan Muhammad Asad dalam bidang syariah memperlihatkan nilai kesyumuluan Islam. Antara pandangan kebitaraan Muhammad Asad tentang syariah dan Islam:

...Islam fulfills this need by means of a divine Law-called-shari'ah- which has been provided in the ordinances of the Quran and supplemented (or, rather, detailed, and exemplified) by the Prophet Muhammad in the body of teaching which we describe as his sunnah, or way of life.

From the viewpoint of the believer, the Quran and the Sunnah reveal to us a conceptually understandable segment of God's all-embracing plan of creation, with

reference to man, they contain the only available positive indication of what God wants us to be and to do..." (Asad, 2007).

...Islam memenuhi keperluan ini dengan melaksanakan Hukum Ilahi yang disebut sebagai Shariah - yang telah diperuntukkan mengikut ketetapan al-Quran dan ditambah (atau, lebih tepat, diperincikan dan dicontohkan) oleh Baginda Nabi Muhammad menerusi tonggak pengajaran yang mana digambarkan sebagai sunnah, atau cara hidupnya.

Dari sudut pandang orang beriman, al-Quran dan Sunnah menunjukkan kepada kita konsep ciptaan Tuhan yang merangkumi semua konsep yang dapat difahami, dengan merujuk manusia, mereka mempunyai satu-satunya indikasi positif yang bertetapan sebagaimana yang dihendaki oleh Tuhan (Terj. Penulis).

Selain itu, Ahmad Dar (2015: 15-23) juga menyatakan Muhammad Asad telah memberi sumbangan terhadap perjuangan Islam melalui pendekatan shariah. Beliau berusaha merangsang jiwa dan pemikiran umat Islam moden untuk sedar akan masalah yang mendatang terhadap Islam, di samping berpegang teguh dengan prinsip Islam. Muhammad Asad menggunakan pendekatan shariah kerana beliau melihat kerelevanan aspek ini kepada umat Islam.

Seterusnya, pemikiran kebitaraan Muhammad Asad dalam bidang politik. Muhammad Asad pernah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Pembinaan Islam di Pakistan dan Ketua Bahagian Timur Tengah di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Beliau merupakan individu pertama yang memiliki passport Negara Pakistan. Peristiwa ini adalah rentetan dari hasrat Negara Pakistan untuk mewakilkan Muhammad Asad dalam sebuah lawatan rasmi ke Arab Saudi. Memandangkan pada ketika itu Pakistan tidak mempunyai undang-undang passport, maka dengan arahan Khas dari Liaquat Ali Khan Muhammad Asad telah diberikan passport pertama yang dikeluarkan dari Kerajaan Pakistan (Shabbir & Laskowska, 2020). Dengan kerakyatan baharunya, beliau dilantik sebagai Wakil Negara Pakistan di PBB. Pada tahun 1951, beliau sekali lagi dilantik oleh Negara Pakistan sebagai wakil delegasi di Arab Saudi. Sebelum penghujung hayat Muhammad Asad, pada tahun 1983 atas jemputan penguasa tentera Jenaral Gen Zia ul Haq, Muhammad Asad pulang ke Pakistan untuk menyertai sebuah perbincangan politik sebagai penasihat perbincangan (Zahid, 2015: 80-102).

Langkah kebitaraan Muhammad Asad dalam bidang politik boleh dinilai menerusi gerak kerja beliau di Pakistan:

...When Pakistan was establish in 1947, I was called upon by its Government to organize and direct a Department of Islamic Reconstruction, which was to elaborate the ideological,

Islamic concepts of statehood and community upon which the newly born political organization might draw. After two years of this extremely stimulating activity, I transferred to the Pakistan Foreign Service and was appointed Head of the Middle East Division in the Foreign Ministry,

where I dedicated myself to strengthening the ties between Pakistan and the rest of the Muslim world; and in due course I found myself in Pakistan's Mission to the united Nations at New York... (Asad, 1954a).

...Bilamana Pakistan ditubuhkan pada 1947, aku dijemput oleh kerajaannya untuk menyusun dan mentadbir sebuah Jabatan Pembangunan Semula Islam, bagi memperincikan ideologi,

konsep-konsep kenegeraan dan masyarakat Islam, yang bakal dijana oleh organisasi politik yang baru dilahirkan itu. Selepas dua tahun melaksanakan kerje-kerja yang memberangsangkan, aku beralih ke Perkhidmatan Luar Negara Pakistan dan dilantik sebagai ketua Bahagian Timur Tengah di Kementerian Luar,

dimana aku menumpukan sepenuh hati memperkasa hubungan antara Pakistan dan negara-negara Muslim lain seluruh dunia; dan dengan sekelip mata aku diangkat sebagai wakil tetap Pakistan di PBB, New York... (Terj. Malaysia: Islamic Renaissance Front).

Seterusnya, dalam bidang Tafsir, pemikiran kebitaraan ini ditonjolkan melalui penulisan tafsir agungnya yang berjudul *The Message of Quran*. Muhammad Asad memberi penekanan kaedah filologikal dalam mentafsir ayat al-Quran. Menurutnya kelemahan umat Islam memahami al-Quran adalah kerana budaya menginstitusikan fahaman Islam dalam pembangunan ideologi (Nurhayati & Kamarudin, 2018: 86-98). Nadzrah dan Ahmad (2016) berpandangan metodologi Muhammad Asad dalam pentafsiran al-Quran dikembangkan melalui penelitian terhadap kitab tafsir turath seperti tafsir al-Tabari, Abu Muslim al-Isfahani, Fakhr al-Din al-Razi dan Zamakhshari serta kitab tafsir moden seperti *Tafsir al-Manar*. Semua kitab ini menjadi sumber rujukan dan hujah Muhammad Asad dalam penulisan *The Message of Quran*.

Pemikiran kebitaraan selanjutnya adalah dalam bidang sastera. Antara karya sasteranya yang mendapat perhatian ialah novel *The Road to Mecca* (1954). Abdel (2019: 151-166) menyatakan bahawa karya *The Road to Mecca* merupakan wadah kepada Muhammad Asad untuk melakukan kritikan terhadap dunia Barat hasil dari pengembaraannya ke Mekah. Selain itu, Tayyab (2017: 16-26) menunjukkan keistimewaan buku pengembaraan ini berbanding dengan karya pengembaraan yang lain, kerana *The Road to Mecca* (1954) menyerlahkan aspek perbezaan kebudayaan Timur dan Barat dan realiti dunia Islam kepada penduduk Barat. Berikut adalah muqaddimah penulisan karya *The Road to Mecca* (1954):

...The story I am going to tell in this book is not the autobiography of a man conspicuous for his role in public affairs; it is not anarrative of adventure-for although many strange adventures have come my way, they nevr more than an accompaniment to what was happening within me.

It is not even the story of deliberate search for faith- for that faith came upon me, over the years, without any endeavour on my part to find it. My story is simply the story of a European's discovery of Islam and hi integration within the Muslim community... (Asad, 1954a).

...Kisah yang ingin aku perikan dalam buku ini bukanlah sebuah riwayat hidup seorang lelaki yang serba tahu akan peranannya dalam segenap urusan masyarakat-biarpun banyak cabaran luar biasa yang telah merintang jalanku, semua itu tidak lebih dari sekadar iringan bagi segala yang bergolak dalam jiwaku,

bahkan ini juga bukanlah sebuah kisah tentang pencarian keyakinan yang direncanakan rapi-tapi hakikatnya keyakinan yang datang kepadaku, selang beberapa tahun, tanpa aku bertungkus-lumus mencarinya. Kisahku hanyalah sebuah kisah penemuan Islam seorang lelaki Eropah dan upaya intergrasinya dalam masyarakat Muslim... (Terj. Malaysia: Islamic Renaissance Front).

Keterunggulan karya ini difilemkan pada tahun 2008 dalam bentuk dokumentari oleh sebuah produksi tempatan Austria. Dokumentari tersebut telah memperolehi beberapa anugerah perfileman, antaranya dalam Anugerah Festival Filem Jerusalem 2009, Anugerah Festival Filem Dubai 2009, Anugerah sinematografi terbaik Festival Filem Austria 2008 dan Anugerah Festival Filem Antarabangsa Vancouver 2008 (*Wikipedia* 2020). Brylla (2010) menyatakan bahawa filem pengembaraan Muhammad Asad (*The Road to Mecca*) merupakan sebuah perjalanan yang indah yang melibatkan pengembaraan fizikal dan psikologi serta membangkitkan pemikiran.

KESIMPULAN

Kepelbagaian jasa Muhammad Asad terhadap Islam, jelas menonjolkan aspek ketokohan beliau sebagai seorang intelektual Islam abad ke-20. Namun begitu, pada 20 Februari 1992, dunia Islam merasai kehilangan tokoh intelektual terulung ini. Ketokohan dan keintektualan Muhammad Asad menjadi buah tangan buat umat Islam masa kini, untuk meneruskan perjuangan Muhammad Asad dalam memastikan Islam terus tertegak di muka bumi Allah SWT.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM), Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kod: GGPM-2019-016.

RUJUKAN

Abdel, M. (2019). Converting to otherness, Islam, autobiography and embracing the other. *Kemanusiaan* 26(1): 151-166.

- Ahmad Dar, S. (2015). Muhammad Asad's approach to shari'ah: an exposition: *Journal of Islamic Thought and Civilization* 5(1): 15-23.
- Ahmad Nabil Amir. (2019). Pandangan Muhammad Asad tentang shari'ah. *Jurnal Penelitian dan kajian keislaman* 7(1): 13-30.
- Asad, Muhammad. (1947). *Islam at the Crossroad*. Edisi semak. Dalhousie: Arafat Publications.
- Asad, Muhammad. (1954). *Jalan ke Mekah*. Terj. Malaysia: Islamic Renaissance Front.
- Asad, Muhammad. (1954). *The Road to Mecca*. Edisi baru. New Delhi: Islamic Book Service.
- Asad, Muhammad. (2007). *The Principles of State and Government in Islam*. Edisi Malaysia. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.
- Brylla, C. (2010). A Road to Mecca: The journey of Muhammad Asad. https://www.leonardo.info/reviews_archive/dec2009/roadtomecca.bylla.ph, diakses pada 22 September.
- Halilovic, S.M. (2005). *Islam and The West From Asad's Point of View*. Terj. Pasanbegoiv M. Kaherah: Dar al-Salam
- Kettani, H. (2010). Muslim population in Europe: 1950-2020. *International Journal of Environmental Science and Development* 1(2): 1-10.
- Maussen, M. (2007). The governance of Islam in Western Europe a state of the art report. Kertas kerja IMISCOE. Anjuran Amsterdam Institute for Social Science Research Amsterdam, Jun.
- Mohd Yusof Hasan. (2007). *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nadzrah Ahmad & Ahmad Nabil. (2016). Muhammad Asad's the Message of the Qur'an. *Sociology and Anthropology* 4(12): 1117-1120.
- Nurhayati Abdullah & Kamarudin Salleh. (2018). Implikasi tafsiran Muhammad Asad bagi perkataan 'Islam' terhadap pegangan ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. *International Journal of Islamic Thought* 14(12): 86-98.
- Shabbir, S. & Laskowska, N. (2020). Austrian who held Pakistan's first passport-and helped seal ties with Saudi Arabia. <https://www.arabnews.com/node/1719636/world>, diakses pada 13 November.
- Tayyab, Muhammad. (2017). Alienation and spiritual vacuum: A glimpse into "The Road to Mecca" from modernistic perspective. *European Journal of English Language, Linguistics and Literature* 4(1), 16-26.
- Wikipedia. (2020). A Road To Mecca-The Journey of Muhammad Asad. https://en.wikipedia.org/wiki/A_Road_to_Mecca_The_Journey_of_Muhammad_Asad diakses pada 13 November.
- Zahid Munir Amir. (2015). First wind of Islamic revivalism after World War II: Muhammad Asad (1900-92) and international Islamic colloquium, 1957-58. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies* 8(1): 80-102.